

IMPLIMENTASI ‘RIADHAH RUHIYYAH’ (LATIHAN KEROHANIAN) DALAM KALANGAN MAHASISWA MUSLIM KE ARAH MEMENUHI *SUSTAINABILITY DEVELOPMENT GOALS (SDGS)*

*IMPLEMENTATION OF ‘RIADHAH RUHIYYAH’ (SPIRITUALITY TRAINING)
AMONG MUSLIM UNIVERSITY STUDENTS TOWARDS THE FULFILMENT OF
SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDGS)*

Habibah Artini Ramlie^{1*}

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah
Email: habibah_artini@ums.edu.my

* Penulis Penghubung

Article Info:

Article history:

Received date: 01.07.2021

Revised date: 16.08.2021

Accepted date: 30.09.2021

Published date: 31.10.2021

To cite this document:

Ramlie, H. A. (2021). Implimentasi ‘*Riadhah Ruhiyyah*’ (Latihan Kerohanian) Dalam Kalangan Mahasiswa Muslim Ke Arah Memenuhi *Sustainability Development Goals (SDGS)*. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 6 (25), 63-76.

DOI: 10.35631/JTthem.625006.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) merupakan asas kepada Falsafah Pengajian Tinggi di Malaysia dalam mengadaptasi konsep akhlak dengan matlamat pendidikan berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara bersepadu. Tujuannya adalah mewujudkan insan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Aspirasi ini diteruskan dalam pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pendidikan Tinggi (PPPM PT) bagi tahun 2015-2025 yang antara lain bertujuan untuk melahirkan graduan holistik yang beretika dan bermoral serta mempunyai kerohanian mantap. Keperluan ini menuntut para mahasiswa untuk memperkukuh kerohanian serta membentuk akhlak yang baik di samping berupaya mengaplikasi pengetahuan dan teori yang dipelajari. Justeru dalam hal ini, implimentasi ‘*Riadhah Ruhiyyah*’ (latihan kerohanian) dilihat begitu praktikal untuk memenuhi keperluan tersebut. Kajian ini dijalankan bagi meninjau implimentasi ‘*Riadhah Ruhiyyah*’ dalam kalangan mahasiswa. Kajian berbentuk kuantitatif yang dijalankan ke atas seramai 111 orang mahasiswa Muslim di Universiti Malaysia Sabah. Responden kajian dipilih secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dengan memfokuskan kriteria dikehendaki iaitu para mahasiswa Muslim. Teknik persampelan kebarangkalian (*probability sampling*) diadaptasi dan semua mahasiswa Muslim mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden kajian. Dapatan kajian mendapati implimentasi ‘*Riadhah Ruhiyyah*’ dalam

kalangan responden mencatatkan nilai min sebanyak 2.0811. Dapatan ini menunjukkan bahawa item-item yang digariskan untuk mengukur amalan 'Riadhah Ruhhiyyah' adalah jarang-jarang dilakukan oleh para responden. Namun ia bukanlah satu indikator yang negatif secara total kerana implimentasi 'Riadhah Ruhhiyyah' tetap wujud di kalangan mahasiswa. Oleh itu, kajian ini begitu signifikan untuk dilaksanakan secara lebih menyeluruh ke atas semua mahasiswa Muslim melibatkan institusi pengajian tinggi lain dengan fokus kepada aspek perkaitan di antara implimentasi 'Riadhah Ruhhiyyah' serta pementapan dan penghayatan akhlak mahasiswa. Ia akan menghasilkan mahasiswa holistik ke arah memenuhi hasrat pendidikan berkualiti sebagaimana yang digariskan dalam matlamat *Sustainability Development Goals (SDGs)*.

Kata Kunci:

'Riadhah Ruhhiyyah', Latihan Kerohanian, Mahasiswa, Muslim, Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)

Abstract:

The National Education Philosophy forms the basis for the Higher Education Philosophy in Malaysia in adapting the concept of morality with continuous education goals towards the development of the potential of the individual in an integrated manner. The purpose of this is to create individuals who are intellectually, spiritually, emotionally, and physically balanced based on a belief in God. This aspiration is maintained in the Malaysia Education Blueprint 2015-2025 (Higher Education) which among others aims to produce holistic graduates who are ethical, of high morals, and imbued with strong spirituality. This aspect requires university students to strengthen their spirituality and develop good morals and the ability apply their acquired knowledge and theory. Therefore, the implementation of 'Riadhah Ruhhiyyah' (spirituality training) is viewed as very practical in fulfilling the said requirement. This quantitative study was conducted to examine the implementation of 'Riadhah Ruhhiyyah' among university students and involved the participation of 111 Muslim university students at Universiti Malaysia Sabah. The selection of respondents was conducted by purposive sampling with the focus on the criteria that they should be Muslim university students. The probability sampling technique was adapted and all Muslim university students had an equal chance of being chosen as respondents. Findings showed the implementation of 'Riadhah Ruhhiyyah' among the respondents recording a 2.0811 mean value. This pointed to the likelihood that the items highlighted to measure 'Riadhah Ruhhiyyah' were seldom practised by the respondents. However, this was not a totally negative indicator since the 'Riadhah Ruhhiyyah' implementation did exist among university students. There is therefore significance in conducting this study on a more comprehensive scale on all Muslim university students in other Higher Education institutions with the focus on the relation or link between 'Riadhah Ruhhiyyah' implementation and moral strengthening and practice of university students. This would result in producing holistic university students and fulfil the aspiration of quality education as defined in the aims of Sustainable Development Goals (SDGS).

Keywords:

Riadhah Ruhiyah, Spirituality Training, University Students, Muslim, Sustainability Development Goals (SDGs).

Latar Belakang Kajian

'*Riadhah Ruhiyah*' atau latihan spiritual adalah pendekatan untuk menyucikan jiwa dalam dimensi kerohanian dengan objektif untuk meningkatkan keimanan, mencari keredaan Allah S.W.T serta memperbaiki akhlak seseorang. Ia berkait rapat dengan penerapan nilai-nilai murni bertunjangan syariat Islam dengan menumpukan aspek dalaman yang boleh diterjemahkan dan dilihat menerusi amalan harian. '*Riadhah Ruhiyah*' terbentuk dari dua perkataan iaitu '*Riadhah*' yang membawa maksud latihan (Hassan et al., 2011; Usop et al., 2015) serta '*Ruhiyyah*' (berasal dari kalimah 'ruh') yang didefinisikan sebagai roh (Abdul Hamid, 2015). Kata dasar bagi kerohanian (*ruhiyyah*) adalah rohani yang didefinisikan sebagai bahagian dalaman manusia yang mempunyai perasaan dan kemahuan (Othman, 2005) serta sifat, keadaan dan perihal rohani. Kombinasi terma '*Riadhah*' dan '*Ruhiyyah*' iaitu '*Riadhah Ruhiyah*' seterusnya menghasilkan istilah 'latihan kerohanian' (Hassan et al., 2011; Usop et al., 2015). '*Riadhah Ruhiyah*' mencerminkan falsafah dalam pendidikan Islam yang bertujuan untuk mendidik rohani serta perilaku seseorang ke arah matlamat melahirkan insan yang syumul (Al-Ghazali, t.t; Al-Ghazali, 1986).


Manakala *Sustainability Development Goals* (SDGs) atau Matlamat Pembangunan Mampan adalah satu gagasan yang dilancarkan dalam Perhimpunan Agung PBB pada tahun 2015 bagi memastikan semua negara anggota merangka pelan pembangunan masing-masing dengan mengambil kira pelbagai aspek. SDGs menggariskan 17 matlamat teras iaitu 'Sifar Kemiskinan', 'Sifar Kelaparan', 'Kesihatan dan Kehidupan Yang Baik', 'Pendidikan Berkualiti', 'Kesaksamaan Gender', 'Air Bersih dan Sanitasi', 'Tenaga Mampu Milik dan Bersih', 'Pekerjaan dan Pertumbuhan Ekonomi', 'Industri, Inovasi dan Infrastruktur', 'Mengurangkan Ketidakadilan, Bandar dan Komuniti Mampan', 'Pengeluaran dan Penggunaan Bertanggungjawab', 'Tindakan Iklim', 'Hidupan Air', 'Hidupan Di Atas Tanah', 'Keamanan, Keadilan dan Institusi Yang Kukuh' serta 'Kerjasama Untuk Mencapai Matlamat'. SDGs dipersetujui oleh kesemua 193 buah negara anggota PBB bagi mencapai masa depan yang lebih mampan menjelang tahun 2030 (Department of Statistics Malaysia, 2021; United Nation, 2021). Malaysia merupakan antara negara terawal menyatakan persetujuan untuk bekerjasama dan menyokong agenda SDGs selepas ia dilancarkan. SDGs yang merangkumi 17 matlamat, 169 target dan 247 indikator pelaksanaan dilaksanakan oleh semua pihak termasuk agensi kerajaan, swasta, masyarakat sivil dan individu (Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan PLANMalaysia, 2020).

Matlamat berkaitan pendidikan umumnya terselerak dalam kesemua 17 matlamat SDGs dan seperti yang diketahui, tujuan umum pendidikan adalah untuk mencipta masa hadapan yang lebih baik bagi generasi masa hadapan. Walaupun matlamat ke-4 dalam SDGs iaitu matlamat 'Pendidikan Berkualiti' kelihatan lebih memfokuskan kepada masalah keciciran dan kemahiran pelajar (United Nation, 2021), namun secara tersirat, ia sebenarnya turut berkait rapat dengan aspek pembangunan insan. Dalam Islam, pendidikan berkualiti bermula

dengan pembangunan potensi insan yang boleh diperoleh menerusi penghayatan amal soleh dan nilai-nilai akhlak Islam. Pendidikan Islam itu sendiri adalah satu gagasan pemikiran falsafah berpaksikan pandangan hidup atau *world view* yang digariskan dalam Islam dengan berpaksikan keimanan kepada Allah s.w.t (Suhid & Mohd Fakhruddin, 2015). Iman merupakan dimensi dalaman yang tidak dapat diukur (Nasr, 1981) namun tanpa *world view* tersebut, hidup seseorang akan menjadi tidak terarah (Suhid & Mohd Fakhruddin, 2015). Dalam ruang perbincangan yang lebih khusus, memantapkan kerohanian atau '*Ruhiyyah*' memerlukan latihan atau '*Riadhah*' kerana amalan-amalan yang baik perlu dilatih dan diulang-ulang pada diri seseorang. Apabila ia telah sehati dengan diri dan jiwa, maka secara tidak langsung akhlak yang baik akan terpamer hasil manifestasi '*Riadhah Ruhiyyah*' tersebut.

Penulisan ini bersandarkan salah satu komponen 'Model '*Riadhah Ruhiyyah*' dalam Pendidikan Islam' (MRRPI) iaitu 'Model '*Riadhah Ruhiyyah*' dalam *Habl min Allah* (MRRHMA)'. Ia dibangunkan dari kajian Ramlie (2017) berpandukan pandangan Imam Al-Ghazali Rahimahullah (450H/1058M), seorang tokoh pemikir tersohor dalam dunia Islam (Al-Ghazali, t.t; Al-Ghazali,1986). Walaupun dibangunkan untuk Guru Pendidikan Islam (GPI), 'Model '*Riadhah Ruhiyyah*' dalam *Habl min Allah* (MRRHMA)' turut sesuai diadaptasi ke atas mahasiswa kerana model yang terhasil memfokuskan aspek hubungan dengan Allah s.w.t (*habl min Allah*). Ia merangkumi segala ibadah serta amalan sunat harian yang dilakukan oleh seseorang seperti mendirikan solat berjemaah, menunaikan solat di awal waktu, menunaikan solat sunat, menghidupkan *qiyamullail*, wirid selepas solat, membaca al-Qur'an dan *tadabbur*, mentafsir hadis, memahami kitab-kitab agama, menghayati nasyid kerohanian, mengamati alam, bersedekah, mengingati mati, mengamalkan puasa sunat dan sentiasa berzikir.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap implimentasi elemen-elemen latihan kerohanian berdasarkan 'Model '*Riadhah Ruhiyyah*' dalam aspek *Habl min Allah*' (MRRHMA) dalam kalangan mahasiswa ke arah mencapai matlamat pembangunan insan. Tujuannya adalah untuk melihat implimentasi '*Riadhah Ruhiyyah*' dalam usaha menghasilkan mahasiswa yang memiliki jati diri Muslim sejati khususnya dalam aspek amalan sunat harian kerana elemen-elemen tersebut begitu berkait rapat dengan aspek 'pendidikan roh' yang memerlukan kefahaman mendalam serta penghayatan yang tinggi. 'Model '*Riadhah Ruhiyyah*' dalam *Habl min Allah* (MRRHMA)' digambarkan pada Rajah 1.



Rajah 1. 'Model 'Riadhah Ruhiyah' dalam aspek *Habl min Allah*' (MRRHMA)' dari komponen 'Model 'Riadhah Ruhiyah' dalam Pendidikan Islam' (MRRPI)

Sumber : (Al-Ghazali, t.t; Al-Ghazali,1986; Ramlie, 2017).

Sorotan Literatur

Kajian berkaitan aplikasi kerohanian telah dikaji oleh Wan Hasan & Wan Jamel (2011) dalam tinjauan keperluan aktiviti kerohanian di kalangan guru pelatih Muslimah di institut pendidikan guru. Kajian tersebut bertujuan untuk meninjau keperluan pelaksanaan aktiviti kerohanian, mengenal pasti aktiviti kerohanian yang diperlukan serta mendapatkan cadangan guru pelatih terhadap pelaksanaan aktiviti kerohanian di institut pendidikan guru. Dapatan kajian menunjukkan guru pelatih sangat memerlukan aktiviti-aktiviti kerohanian seperti bacaan Yasin dalam usaha mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Kajian yang dijalankan oleh Hamjah et. al (2012) berkaitan pencapaian akademik pelajar pula mendapati terdapat perkaitan yang signifikan antara amalan kerohanian dengan pencapaian akademik pelajar. Hal ini kerana amalan kerohanian turut dilihat sebagai faktor pemangkin yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar lebih-lebih dalam kalangan pelajar Islam selain dari faktor sosioekonomi, tahap pendidikan ibu bapa, pendapatan keluarga, motivasi diri, gaya pengajaran guru serta corak pembelajaran pelajar itu sendiri.

Namun begitu, dalam usaha melahirkan mahasiswa yang memiliki aspek kerohanian yang mantap serta berakhlak mulia, terdapat beberapa penemuan serta hasil kajian yang perlu diambil perhatian. Antaranya adalah kajian yang dijalankan oleh Ismail, Anwar dan Hamsan pada tahun 2010. Kajian tersebut bertujuan untuk menganalisis kecenderungan penyalahgunaan bahan seperti dadah dan alkohol dalam kalangan mahasiswa tahun pertama di salah sebuah institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. Apa yang mengejutkan adalah dapatan menunjukkan seramai 21 orang mahasiswa terbahit dalam penyalahgunaan bahan,

sembilan orang dikenalpasti berada pada tahap kebergantungan dengan bahan manakala seramai 793 mahasiswa dikenalpasti memiliki potensi untuk terlibat dengan penyalahgunaan bahan.

Kajian lain yang dilakukan oleh Mohd. Yusof dan Sugiman (2010) ke atas seramai 482 mahasiswa institusi pengajian tinggi pula menunjukkan segelintir mereka mengakui mengamalkan budaya seks bebas. Perasaan ingin tahu dan ingin mencuba merupakan aspek paling dominan yang mendorong berlakunya amalan seks bebas diikuti dengan faktor-faktor sampingan yang lain seperti keinginan seks yang tinggi, inginkan keseronokan, pengaruh rakan serta keinginan untuk hidup mewah. Manakala kajian yang dilakukan oleh Wan Hamat, Hussin, Mohamed Yusoff dan Sapar (2013) melibatkan seramai 397 orang mahasiswa politeknik di Malaysia juga mendapati bahawa walaupun secara keseluruhannya tahap penampilan akhlak mahasiswa berada pada tahap yang tinggi, masih terdapat segelintir yang mengakui bahawa mereka juga turut terpengaruh dengan penampilan akhlak negatif hasil dari bahan rancangan media massa dalam negara. Tambah menyedihkan apabila kajian Daud, Mohd. Salleh, Mohd. Haridi dan Ismail (2016) menunjukkan ideologi pemikiran tidak beragama juga sudah mula menular dan menyerang pemikiran mahasiswa institusi pengajian tinggi dan semakin berkembang untuk merosakkan akidah belia Islam.

Laporan berhubung permasalahan akhlak mahasiswa institusi pengajian tinggi ini perlu diambil berat kerana apabila memperkatakan tentang aspek akhlak, Mazahiri (1994), Amini (1997) dan Amuli (2001) turut mengaitkannya dengan dimensi kerohanian atau '*Ruhiyyah*' yang ada dalam diri manusia. Isu-isu tertera jelas menunjukkan kerapuhan segelintir mahasiswa yang tidak mempunyai kekuatan rohani dalam menggabungkan jiwa, hati dan akal yang seimbang dalam usaha untuk membentuk iman yang kukuh sebagai benteng diri dari unsur-unsur negatif. Hal ini tidak mustahil berkait rapat dengan sistem pendidikan di Malaysia yang lebih menjurus kepada pembangunan luaran semata-mata, beroreintasikan peperiksaan serta kurang menitikberatkan aspek pembinaan kerohanian, nilai dan etika (Baba, 2003; Abdul Razak & Ngah, 2002). Hal ini turut disentuh dalam kajian Banu Hanefar, Siraj & Sa'ari (2015) yang menyatakan hal serupa. Aspek kerohanian kurang dititikberatkan kerana sistem pendidikan di Malaysia seolah-olah mencipta jurang yang besar pada salah satu elemen penting dalam pendidikan holistik, iaitu elemen rohani atau '*Ruhiyyah*'. Elemen intelektual lebih ditekankan sebaliknya elemen rohani hanya terbatas kepada ruang lingkup kajian keagamaan dan moral. Situasi ini menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan di antara pendidikan jasmani dan rohani dalam membangunkan sumber modal insan yang akhirnya menjejaskan pembangunan insan yang holistik sehingga mencetuskan masalah sosial yang semakin meruncing.

Dalam bentuk rasmi secara bertulis, walaupun melahirkan graduan yang mempunyai ilmu, akhlak, tingkahlaku, set minda dan beradab untuk menjadi insan mulia telah digariskan sebagai matlamat utama dalam lonjakan pertama pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pendidikan Tinggi (PPPM PT) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015:E-12), namun pendekatan mahupun kaedah yang akan digunapakai untuk mencapai matlamat tersebut adalah tidak jelas. Pendekatan ilmu serta kepakaran teknikal yang relevan dan sesuai dalam menangani cabaran abad ke-21 untuk menerapkan nilai moral, jati diri dan kesedaran diri sebagaimana yang dihasratkan turut tidak dinyatakan (Kementerian Pendidikan Malaysia,

2015:1-1). Hal ini kerana pelan tindakan pelaksanaan inisiatif fasa awal bagi menggambarkan keberhasilan menyeluruh aspirasi mahasiswa merangkumi aspek ilmu dan akhlak hanya digambarkan dengan pernyataan pembangunan metodologi sistem penaksiran bersepadu oleh pihak institusi pengajian tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015:E-17).

Justeru perlu ditekankan bahawa aspek agama dan kerohanian menurut perspektif Islam sesungguhnya tidak hanya dilihat sebagai satu bahagian yang terpisah dari kehidupan. Ia sebaliknya merangkumi segenap aspek kehidupan manusia kerana kejadian manusia dan segenap seisi alam adalah di bawah kekuasaan Allah s.w.t (Nasr, 2003). Agama sebagai dimensi zahir yang terdiri dari Islam, iman dan ihsan adalah pendorong aspek dalaman seseorang dan untuk menghayati serta menjiwai dimensi dalaman tersebut, manusia perlu melakukan amalan-amalan wajib untuk menghampirkan diri kepada Allah s.w.t. termasuklah melaksanakan amalan-amalan sunat. Amalan sunat berfungsi sebagai pelengkap amalan wajib yang menjadikan segala pemikiran dan tindakan disandarkan kepada Allah s.w.t. (Nasr, 1981; Nasr, 2003) demi mengukuhkan keimanan dan memantapkan kerohanian seseorang. Antara amalan-amalan sunat yang dimaksudkan adalah seperti yang terkandung dalam 'Model *'Riadhah Ruhiyyah'* dalam *Habl min Allah* (MRRHMA)' (Rajah 1). Ia berkait rapat dengan domain kerohanian atau '*Ruhiyyah*' yang memerlukan konsistensi dalam aspek implimentasi amalan sebagai benteng untuk mengelakkan diri dari terjerumus dalam melakukan permasalahan akhlak yang tidak sepatutnya. Hal ini membawa maksud bahawa elemen kerohanian atau unsur '*Ruhiyyah*' memainkan peranan yang amat besar dalam aspek kehidupan seseorang ke arah menghasilkan insan dan pendidikan berkualiti. Sehubungan itu, persoalan yang timbul dalam tinjauan awal kajian ini adalah sejauhmanakah implimentasi '*Riadhah Ruhiyyah*' tersebut dalam kalangan mahasiswa?

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk 'Mengenalpasti tahap implimentasi elemen-elemen latihan kerohanian berdasarkan 'Model '*Riadhah Ruhiyyah*' dalam aspek *Habl min Allah*' (MRRHMA) dalam kalangan mahasiswa.'

Persoalan Kajian

Manakala persoalan kajian adalah 'Apakah tahap implimentasi elemen-elemen latihan kerohanian berdasarkan 'Model '*Riadhah Ruhiyyah*' dalam aspek *Habl min Allah*' (MRRHMA) dalam kalangan mahasiswa.'

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang dijalankan ke atas seramai 111 orang mahasiswa Muslim di Universiti Malaysia Sabah yang terdiri dari seramai 30 orang (27%) mahasiswa lelaki dan 81 orang mahasiswa perempuan (73%). Responden kajian dipilih secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dengan memfokuskan kriteria dikehendaki iaitu para mahasiswa Muslim. Teknik persampelan kebarangkalian (*probability sampling*) diadaptasi dan semua mahasiswa Muslim mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden kajian. Borang soal selidik dalam bentuk *google form* diedarkan secara atas talian kepada para responden. Borang soal selidik dijadikan instrumen kajian kerana item-item soal selidik mudah dijawab oleh para responden di samping kebolehpercayaan data yang diperolehi adalah lebih tinggi (Chua, 2011). Dalam borang soal selidik tersebut, pengkaji menggunakan skala Likert 4 poin kerana ia senang

diselia dan diurus serta boleh digunakan untuk mengukur sikap (Konting, 2000). Terma 'Selalu' (kerap kali, acap kali) pada Skala 4, 'Kadang-kadang' (kadang-kala, sekali-sekali, ada kalanya) pada Skala 3, 'Jarang-jarang' (tidak selalu, tidak sering, tidak lazim) pada Skala 2 dan 'Tidak Pernah' (tidak mengalami, tidak ada berlaku) pada Skala 1 digunakan berpandukan definisi yang dimuatkan dalam laman Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) yang dibangunkan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021).¹ Ketetapan skala ini digunakan untuk memudahkan para mahasiswa menyatakan sejauhmana amalan '*Riadhah Ruhiyyah*' mereka. Interpretasi min untuk setiap skala adalah seperti berikut :

3.16 – 4.00 Selalu
2.31 – 3.15 Kadang-kadang
1.46 – 2.30 Jarang-jarang
1.00 – 1.75 Tidak pernah

Untuk menguji kebolehpercayaan item, kajian rintis dijalankan lebih awal ke atas seramai 30 orang mahasiswa. Sampel tersebut bukan terdiri dari sampel kajian sebenar untuk mengelakkan dari berlakunya ralat persampelan. Brace (2008) menyatakan kajian rintis penting untuk mendapatkan kebolehpercayaan dan keesahan soal selidik serta untuk memastikan samada item-item soal selidik yang diutarakan benar-benar menghasilkan maklumat yang diperlukan (Simon, 2011). Hal ini kerana kebolehpercayaan membolehkan responden menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dengan tepat. Nilai Chronbach Alpha yang diperolehi dalam kajian rintis adalah 0.815 dan nilai Cronbach Alpha melebihi 0.80 adalah dianggap sangat baik (Sekaran, 1992; Muijs, 2004). Ini menunjukkan item-item yang dikemukakan dalam soal selidik mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Dapatan kajian yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics* dan diperihalkan dalam bentuk deskriptif. Bagaimanapun, data kajian tidak boleh digeneralisasi kepada seluruh mahasiswa Muslim di Universiti Malaysia Sabah kerana bilangan sampel yang kecil.

Dapatan Dan Perbincangan

Bil	Item	Selalu	Kadang-kadang	Jarang-jarang	Tidak Pernah	Min
1	Solat awal waktu	30 (27.0%)	70 (63.1%)	10 (9.0%)	1 (0.9%)	3.1622
2	Solat sunat	6 (5.4%)	46 (41.4%)	53 (47.7%)	6 (5.4%)	2.4685
3	<i>Qiyamullail</i>	5 (4.5%)	30 (27.0%)	57 (51.4%)	19 (17.1%)	2.1892
4	Solat berjemaah	14 (12.6%)	44 (39.6%)	44 (39.6%)	9 (8.1%)	2.5676
5	Wirid lepas solat	18 (16.2%)	33 (29.7%)	38 (34.2%)	22 (19.8%)	2.4234
6	Zikir harian	32 (28.8%)	44 (39.6%)	32 (28.8%)	3 (2.7%)	2.9459

7	Tilawah al-Qur'an (membaca al-Qur'an)	27 (24.3%)	40 (36.0%)	38 (34.2%)	6 (5.4%)	2.7928
8	Tadabbur al-Qur'an (usaha memahami makna al-Qur'an)	9 (8.1%)	46 (41.4%)	46 (41.4%)	10 (9.0%)	2.4865
9	Puasa sunat	11 (9.9%)	50 (45.0%)	43 (38.7%)	7 (6.3%)	2.586
10	Mengingati mati	59 (53.2%)	40 (36.0%)	12 (10.8%)	0 (0%)	3.4234
11	Mentafsir hadis	3 (2.7%)	30 (27.0%)	51 (45.9%)	27 (24.3%)	2.0811
12	Membaca kitab-kitab agama	7 (6.3%)	46 (41.4%)	47 (42.3%)	11 (9.9%)	2.4414
13	Bersedekah	22 (19.8%)	60 (54.1%)	27 (24.3%)	2 (1.8%)	2.9189
14	Mengamati alam	49 (44.1%)	41 (36.9%)	20 (18.0%)	1 (0.9%)	3.2432
15	Menghayati nasyid kerohanian	33 (29.7%)	40 (36.0%)	34 (30.6%)	4 (3.6%)	2.9189
	Nilai Min Keseluruhan					2.0811

Jadual 1. Analisis Item

Untuk item 'Solat awal waktu', seramai 30 (27.0%) responden selalu melakukannya, 70 (63.1%) responden kadang-kadang melakukannya, 10 (9.0%) jarang-jarang melakukannya dan 1 (0.9%) tidak pernah melakukannya dengan nilai purata min sebanyak 3.1622. Untuk item 'Solat sunat', seramai 6 (5.4%) responden selalu melakukannya, 46 (41.4%) kadang-kadang melakukannya, 53 (47.7%) jarang-jarang melakukannya manakala 6 (5.4%) responden tidak pernah melakukannya dengan nilai purata min sebanyak 2.4685. Untuk item 'Qiyamullail', seramai 5 (4.5%) responden selalu melakukannya, 30 (27.0%) kadang-kadang melakukannya, 57 (51.4%) jarang-jarang melakukannya dan 19 (17.1%) tidak pernah melakukannya dengan purata nilai min sebanyak 2.1892.

Untuk item 'Solat berjemaah', seramai 14 (12.6%) responden selalu melakukannya, 44 (39.6%) responden kadang-kadang melakukannya, 44 (39.6%) responden jarang-jarang melakukannya dan 9 (8.1%) responden tidak pernah melakukannya dengan purata nilai min sebanyak 2.5676. Untuk item 'Wirid lepas solat', seramai 18 (16.2%) responden selalu melakukannya, 33 (29.7%) kadang-kadang melakukannya, 38 (34.2%) responden jarang-jarang melakukannya dan 22 (19.8%) tidak pernah melakukannya dengan purata nilai min sebanyak 2.4234. Untuk amalan 'Zikir harian', seramai 32 (28.8%) responden selalu melakukannya, 44 (39.6%) responden kadang-kadang melakukannya, 32 (28.8%) responden jarang-jarang melakukannya dan 3 (2.7%) responden tidak pernah melakukannya dengan purata nilai min sebanyak 2.9459.

Untuk item 'Tilawah al-Qur'an (membaca al-Qur'an), seramai 27 (24.3%) responden selalu melakukannya, 40 (36.0%) responden kadang-kadang melakukannya, 38 (34.2%) responden jarang-jarang melakukannya dan 6 (5.4%) responden tidak pernah melakukannya dengan

purata nilai min sebanyak 2.7928. Untuk item 'Tadabbur al-Qur'an (usaha memahami makna al-Qur'an), seramai 9 (8.1%) responden selalu melakukannya, 46 (41.4%) responden kadang-kadang melakukannya, 46 (41.4%) responden jarang-jarang melakukannya dan 10 (9.0%) responden tidak pernah melakukannya dengan purata nilai min sebanyak 2.4865. Untuk item 'Puasa sunat', seramai 11 (9.9%) responden selalu melakukannya, 50 (45.0%) responden kadang-kadang melakukannya, 43 (38.7%) responden jarang-jarang melakukannya dan 7 (6.3%) responden tidak pernah melakukannya dengan purata nilai min sebanyak 2.586.

Untuk item 'Mengingati mati', seramai 59 (53.2%) responden selalu melakukannya, 40 (36.0%) responden kadang-kadang melakukannya, 12 (10.8%) responden jarang-jarang melakukannya dan tiada responden (0%) yang tidak pernah 'Mengingati mati' dengan purata nilai min sebanyak 3.4234. Bagi item 'Mentafsir hadis', hanya seramai 3 (2.7%) responden yang selalu melakukannya, 30 (27.0%) responden kadang-kadang melakukannya, 51 (45.9%) responden jarang-jarang melakukannya dan 27 (24.3%) responden tidak pernah melakukannya dengan purata nilai min sebanyak 2.0811. Bagi item 'Membaca kitab-kitab agama', seramai 7 (6.3%) responden selalu melakukannya, 46 (41.4%) responden kadang-kadang melakukannya, 47 (42.3%) responden jarang-jarang melakukannya dan seramai 11 (9.9%) responden tidak pernah melakukannya dengan purata nilai min sebanyak 2.4414.

Untuk item 'Bersedekah', seramai 22 (19.8%) responden selalu melakukannya, 60 (54.1%) responden kadang-kadang melakukannya, 27 (24.3%) jarang-jarang melakukannya dan 2 (1.8%) tidak pernah melakukannya dengan purata nilai min sebanyak 2.9189. Untuk item 'Mengamati alam', seramai 49 (44.1%) responden selalu melakukannya, 41 (36.9%) responden kadang-kadang melakukannya, 20 (18.0%) responden jarang-jarang melakukannya dan hanya seorang responden (0.9%) tidak pernah melakukannya dengan purata nilai min sebanyak 3.2432. Manakala bagi item terakhir iaitu 'Menghayati nasyid kerohanian', seramai 33 (29.7%) responden selalu melakukannya, 40 (36.0%) responden kadang-kadang melakukannya, seramai 34 (30.6%) responden jarang-jarang melakukannya dan 4 (3.6%) responden tidak pernah melakukannya dengan purata nilai min sebanyak 2.9189.

Bil	Item	Min	Implimentasi dalam kalangan mahasiswa
1	Mengingati mati	3.4234	Selalu dilakukan
2	Mengamati alam	3.2432	
3	Solat awal waktu	3.1622	
4	Zikir harian	2.9459	Kadang-kadang dilakukan
5	Menghayati nasyid kerohanian	2.9189	
6	Bersedekah	2.9189	
7	Tilawah al-Qur'an (membaca al-Qur'an)	2.7928	
8	Puasa sunat	2.586	
9	Solat berjemaah	2.5676	
10	Tadabbur al-Qur'an (usaha memahami makna al-Qur'an)	2.4865	
11	Solat sunat	2.4685	

12	Membaca kitab-kitab agama	2.4414	
13	Wirid lepas solat	2.4234	
14	<i>Qiyamullail</i>	2.1892	Jarang dilakukan
15	Mentafsir hadis	2.0811	

Jadual 2. Implimentasi ‘*Riadhah Ruhiyyah*’ Dalam Kalangan Mahasiswa Mengikut Keutamaan

Berpandukan Jadual 2, apabila disusun mengikut keutamaan, item yang paling kerap atau selalu dilakukan oleh para responden adalah ‘Meningati mati’, diikuti dengan ‘Mengamati alam’ serta ‘Solat awal waktu’. Item yang kadang-kadang dilakukan oleh para responden adalah ‘Zikir harian’, ‘Menghayati nasyid kerohanian’, ‘Bersedekah’, ‘Tilawah al-Qur’an (membaca al-Qur’an)’, ‘Puasa sunat’, ‘Solat berjemaah’, ‘*Tadabbur* al-Qur’an (usaha memahami makna al-Qur’an)’, ‘Solat sunat’, ‘Membaca kitab-kitab agama’ dan ‘Wirid selepas solat’. Manakala amalan ‘*Qiyamullail*’ dan ‘Mentafsir hadis’ jarang-jarang dilakukan.

Secara keseluruhan, implimentasi ‘*Riadhah Ruhiyyah*’ dalam kalangan responden hanya mencatatkan nilai min sebanyak 2.0811. Dapatan ini menunjukkan bahawa item-item yang digariskan untuk mengukur amalan ‘*Riadhah Ruhiyyah*’ adalah jarang-jarang dilakukan oleh para responden. Walaupun ia sesuatu yang agak mengecewakan, namun ia bukanlah satu indikator yang negatif secara total kerana implimentasi ‘*Riadhah Ruhiyyah*’ tetap wujud di kalangan mahasiswa. Contohnya seperti item-item yang selalu dilakukan oleh mahasiswa seperti mengingati mati. Ia adalah satu amalan yang boleh menjentik rasa keinsafan dalam jiwa seseorang kerana setiap individu akan mati apabila tiba masanya (Surah al-‘Ankabut, 29 : 57). Para responden turut menyedari kepentingan menunaikan solat pada awal waktu yang menunjukkan aspek pengurusan masa yang baik pada diri mahasiswa. Aspek mengamati alam juga sering dilakukan oleh mahasiswa dan ia memenuhi seruan al-Qur’an agar seseorang sentiasa mengamati alam sekeliling bagi tujuan mengambil pengajaran serta iktibar dalam kehidupan (Surah Ali Imran, 3 : 191).

Apa yang penting adalah implimentasi ‘*Riadhah Ruhiyyah*’ berbentuk amalan-amalan sunat ini dilakukan secara konsisten kerana ia akan memotivasikan seseorang untuk terus berusaha ke arah yang lebih baik dalam setiap perlakuan (Surah Ali Imran, 3 : 134 & 148, Surah al-Ma’idah, 5 : 85; Surah al-A’raf, 7 : 199, Surah al-Sof, 61 : 2) bagi mencapai matlamat kemenjadian individu yang diharapkan iaitu kemenjadian di dunia dan di akhirat (Surah al-‘Araf, 7 : 159; Surah al-Kahfi, 18 : 70; Surah al-A’la, 87 : 9). Hal ini selari dengan tujuan pendidikan dalam Islam yang memfokuskan usaha untuk mewujudkan perkembangan yang seimbang dengan nilai keislaman termasuk aspek ‘*Ruhiyyah*’ di mana asas pengajarannya adalah menanamkan kepercayaan beragama serta memupuknya dalam jiwa seseorang (Muhammad Qutb, 1992). Proses membentuk belia yang berakhlak mulia (termasuk mahasiswa) sesungguhnya memerlukan kesepaduan antara pendidikan secara formal dan tidak formal kerana pembentukan akhlak untuk menjadi insan kamil yang cemerlang dan seimbang dari segi intelek dan spiritual (*Ruhiyyah*) merupakan proses pendidikan sepanjang hayat yang perlu diberi penekanan selaras dengan pembangunan dan kemajuan negara (Tan et al., 2016) serta matlamat *Sustainability Development Goals* (SDGs).

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, '*Riadhah Ruhhiyyah*' perlu dititikberatkan oleh setiap individu kerana ia melibatkan amalan kerohanian yang berkait rapat dengan aspek pembangunan akhlak dan peribadi. Pentingnya '*Riadhah Ruhhiyyah*' diperhalusi menjadikan kajian ini begitu signifikan untuk dilaksanakan dengan lebih lanjut kerana selain amat relevan kepada pelajar institusi pengajian tinggi selaku sampel kajian, ia juga boleh diaplikasikan kepada pelajar peringkat menengah yang berada di peringkat awal, pertengahan dan akhir remaja serta pelajar di institut pendidikan guru (IPG) yang sebaya dengan pelajar institut pengajian tinggi. Kajian ini seterusnya mencadangkan agar tinjauan lebih menyeluruh dilakukan ke atas semua mahasiswa Muslim bukan hanya di Universiti Malaysia Sabah tetapi juga melibatkan institusi pengajian tinggi lain untuk meninjau implimentasi '*Riadhah Ruhhiyyah*' dalam kalangan mereka. Fokus kajian yang dicadangkan adalah perkaitan antara implimentasi '*Riadhah Ruhhiyyah*' dengan pemantapan serta penghayatan akhlak mahasiswa dalam kupasan yang lebih meluas. Kajian ini turut diharapkan mampu menjadi rujukan pihak berkepentingan sama ada di peringkat kementerian mahupun universiti dalam merangka dan menyusun program-program khas untuk melahirkan pelajar institusi pengajian tinggi yang berakhlak cemerlang berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*'. Ia akan menjadi garis panduan kepada pelajar institusi pengajian tinggi untuk meningkatkan lagi kualiti diri mereka melalui iman, ilmu dan amal di samping meneruskan implimentasi '*Riadhah Ruhhiyyah*' sebagai tonggak ketahanan diri dari melakukan sebarang permasalahan akhlak yang tidak diinginkan ke arah mencapai matlamat pendidikan berkualiti sebagaimana digariskan dalam *Sustainability Development Goals* (SDGs).

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian daripada tajaan penerbitan Geran Penerbitan Kerjasama UMS dan UPSI (TLS2113) yang dibiayai Global Academic Excellence (GAE). Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Global Academic Excellence (GAE) yang telah memberi peruntukan untuk membiayai penerbitan ini.

Rujukan

Al-Qur'an al-Karim.

Abdul Hamid, Z. (2015). Kamus al-Ma'rifah Arab - Jawi. Batu Caves: Al-Hidayah Publication.

Abdul Razak, K., & Ngah., Z. (2002). Isu dan cabaran pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam (KBSM). Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 1). Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam Menghadapi Cabaran Era Globalisasi (275-285). Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad. (t.t). Ihya' Ulum al-Din. Jil. 1. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad. (1986). Ihya' Ulum al-Din. Ismail Yaakub (terj). Kota Bharu: Pustaka Aman Press

Amini, I. (1997). Self building : An Islamic guide for spiritual migration. Qum : Ansariyan Publication.

Amuli, J. (2001). Rahsia-rahsia ibadah. Terj. Jalad Muammar. Bogor : Penerbit Cahaya.

Baba, S. (2003). Globalisasi dan cabaran Pendidikan Islam dalam memahami isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

- Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan PLANMalaysia. (2020). PLANMalaysia Kompilasi Artikel Ringkas Inisiatif Penyelidikan dan Pembangunan PLANMalaysia.
- Banu Hanefar, S., Siraj, S., & Sa'ari, C.Z. (2015). The application of content analysis toward the development of spiritual intelligence model for human excellence (SIMHE). *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 172 : 604-610.
- Brace, I. (2008). *Questionnaire design : How to plan, structure and write survey material for effective market research (2nd Edition)*. London : Kogan Page Ltd.
- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah penyelidikan edisi kedua*. Kuala Lumpur : McGraw Hill.
- Daud., Z., Mohd. Salleh, N., Mohd. Haridi, N., & Ismail, A.M. (2016). Sikap belia terhadap pemikiran tidak beragama. *Al-Irsyad : Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 1 (1): 1-12.
- Department of Statistics Malaysia. (2021). *Chronology of Millenium Development Goals and Sustainable Development Goals*. Diakses pada September 15, 2021 dari https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cone&menu_id=aDh6K1JINnNDc3JuekZ4b1VkY2VhUT09
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2021). *Pangkalan data umum Bahasa Melayu*. Diakses pada April 20, 2021 dari <http://lamanweb.dbp.gov.my/index.php/pages/view/85?mid=62>.
- Hamjah, S.H., Rozali, E.A., Rosmawati Mohamad Rasit, R. & Ismail, Z. (2012). Perkaitan amalan spiritual dengan pencapaian akademik pelajar. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 4 (2) : 51-60.
- Hassan, A.R., Salleh, A.H, Mohd. Zain, K.A., & Hamzah, W.N. (2011). *Al-lughatul malayuwiyyah al-lughatul arabiah al-lughatul arabiyyahal-lughatul malayuwiyyah*. Shah Alam : Oxford Fajar.
- Ismail, K., Anwar, K., & Hamsan, H. (2010). Analisis kecenderungan penyalahgunaan bahan dan peranan faktor keagamaan: Kajian kes terhadap belia di sebuah IPTA. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 3: 225-236.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*. Putrajaya : Kementerian Pendidikan Malaysia. Diakses pada April 20, 2021 dari <http://mohe.gov.my/muat-turun/awam/penerbitan/pppm-2015-2025-pt/3-pelan-pembangunan-pendidikan-malaysia-2015-2025-pendidikan-tinggi>
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2007). *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020*. h. 11.
- Konting, M.M. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mazahiri, H. (1994). *Al-Fada'il wa al-radha il fi akhlaq al-usrah wa al-mujtama'*. Beirut : Dar al-Safwah.
- Mohd. Yusof, F., & Sugiman, N. (2010). *Persepsi pelajar institut pengajian tinggi awam terhadap amalan seks bebas*. Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository, 1-10. Diakses pada April 20, 2021 dari <http://eprints.utm.my/id/eprint/10854/>.
- Muijs, D. (2004). *Doing Quantitative Research in Education with SPSS*. London : SAGE Publications Ltd.
- Nasr, S.H. (1981). *The interior life in Islam*. Islamic Life and Thought. London : George Allen & Unwin Ltd.
- Nasr, S.H. (2003). *Islam as Religion*. Islam Religion, History and Civilization. New York : HarperCollins Publishers.

- Othman, A. (2005). Kamus komprehensif bahasa Melayu. Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Qutb, M. (1992). Peranan agama dalam pendidikan. Dlm. Syed Muhammad al-Naquib al-Attas. Tujuan dan objektif Pendidikan Islam. Samsudin Jaapar. Terj. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlie, H.A. (2017). Pembangunan model profesionalisme guru Pendidikan Islam berasaskan 'Riadhah Ruhhiyyah'. Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Sekaran, U. (1992). Research method for business : A skill building approach. (2nd Edition). New York : John Wiley & Son.
- Simon, M. K. (2011). Dissertation and scholarly research : Recipes for success. Seattle,WA : Dissertation Success, LLC. Diakses pada April 26, 2021 dari <http://dissertationrecipes.com>.
- Suhid, A. & Mohd Fakhrudin, F. (2012). Gagasan pemikiran falsafah dalam Pendidikan Islam : Hala tuju dan cabaran. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4 : 57-70.
- Tan, R., Zainal Abiddin, N., & Suwirta, A. (2016). Faktor yang mempengaruhi penghayatan akhlak Islam dalam kalangan belia di sebuah institusi pengajian tinggi awam Malaysia. *INSANCITA: Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, 1 (1) : 55-66.
- United Nation. (2021). Sustainable Development Goals. New York: United Nation. Diakses pada September 10, 2021 dari <https://www.un.org/sustainabledevelopment/sustainable-development-goals/>
- Usop, M.P., Abd Hamid, M.A.A., Hashim, M., Muhammad, N. & Raja Sulaiman, R.M. (2015). Kamus al-Farid. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Wan Hamat, W.N., Hussin, Z., Mohamed Yusoff, A.F., & Sapar, A.A. (2013). Pengaruh Media Massa terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*, 1: 17-27.
- Wan Hasan, S. N & Wan Jamel, S.F. (2011). Tinjauan keperluan aktiviti kerohanian dalam kalangan guru pelatih Muslimah di IPG Kampus Batu Lintang. *Jurnal Penyelidikan IPG Kampus Batu Lintang*, 10 : 1-13.

ⁱ Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) dibangunkan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam Pangkalan Data Umum Bahasa Melayu untuk menempatkan bahan-bahan rujukan, buku pedoman dan panduan bahasa Melayu dalam bentuk e-buku atau format-format lain yang memudahkan capaian. Rujukan yang dibina ialah Tesaurus Bahasa Melayu Dewan yang boleh dicapai pada pautan prpm.dbp.gov.my (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021).